OGOS 2018

C A N A N G

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Laman Nurani

Anas r.a. mengatakan bahwa Nabi saw. bersabda, "Tidak beriman salah seorang di antaramu sehingga ia mencintai saudaranya seperti ia mencintai dirinya sendiri."



Rabu, 1 Ogos 2018 - Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13, Tahun 2018 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang berlangsung gemilang dengan keberangkatan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri l; DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah. Keberangkatan KDYMM dijunjung oleh YB Dato Menteri KKBS selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan dan YM Timbalan Menteri Tenaga dan Perindustrian. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan. Antara kandungan sembah alu-aluan YB Dato Menteri KKBS menyembahkan bahawa keberangkatan Kebawah DYMM adalah salah satu tanda penghormatan dan keprihatinan yang amat tinggi nilainya, sebagai suntikan semangat kepada para belia dan beliawanis untuk terus bekerja keras dalam menyumbangkan tenaga dan bakti kepada negara demi mencapai Wawasan Brunei 2035. Golongan belia telah terus mengorak langkah ke hadapan dengan pantas dalam pelbagai bidang, termasuk keusahawanan dan kesukarelawan, malah mereka berani tampil ke hadapan pada menyahut titah Kebawah DYMM untuk sentiasa berusaha demi membina keperibadian, pendidikan dan kebolehan yang sempurna dan pada masa yang sama memupuk kesedaran beragama, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara kerana inilah maksud Belia Berkualiti yang amat dihasrat oleh negara dan ciri-ciri itu yang perlu dipupuk dan disebarluaskan lagi, tambah YB Dato. KDYMM dan kerabat diraja kemudiannya dijunjung berangkat ke Perhimpunan Ramah Mesra Belia dan seterusnya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan, kemudian berkenan menerima pesambah daripada Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-13, Tahun 2018.

Khamis, 2 Ogos 2018 – YB Dato Menteri KKBS menyempurnakan penyampaian bantuan kepada mangsa-mangsa bencana rumah roboh, kebakaran rumah, banjir dan angin kencang dari beberapa buah kampung di Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS. Sebanyak tujuh buah rumah yang terlibat dalam bencana banjir di Kampung Kapok pada 16, 22 dan 23 Mei 2018 juga menerima bantuan kewangan dari kerajaan. Turut menerima bantuan kewangan tersebut adalah mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana angin kencang di beberapa buah kampung pada 16 Mei, 11, 12 dan 13 Julai 2018 yang lalu. Bantuan kerajaan yang dihulurkan ini diharapkan sedikit sebanyak akan dapat membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh para mangsa dan keluarga mereka untuk meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

Jumaat, 3 Ogos 2018 - Majlis Pengislaman lelaki berbangsa Dusun, Airolvin bin Sisir yang berlangsung di kediaman ayah beliau, Sisir bin Sapai di Kampung Bebuloh dihadiri oleh YB Dato Menteri KKBS. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan lafaz Ikrar Islam saudara baharu yang diraikan dan kini dikenali sebagai Awang Airolvin Furqan bin Sisir.

Isnin, 6 Ogos 2018 – YB Dato Menteri KKBS dalam ucapannya semasa Majlis Pembukaan Rasmi ACF Ke-5 yang berlangsung di Dewan Digadong, KKBS menyatakan ACF terus menjadi platform yang relevan bagi kanak-kanak ASEAN untuk menyatakan pandangan dan mengejar aspirasi mereka dalam isu-isu yang mempengaruhi kehidupan juga isu-isu serantau yang lain mengenai kepentingan mereka, sementara pada masa yang sama untuk menyokong hak-hak kanak-kanak di rantau ini. kepentingan membina asas yang kukuh untuk kanak-kanak ditegaskan oleh pertimbangan paling utama yang meletakkan di atas promosi dan perlindungan hak kanak-kanak. Menurutnya, rangkaian pertumbuhan ASEAN dengan rakan kongsi kerajaan dan bukan kerajaan dalam arena serantau juga antarabangsa telah menambah nilai untuk usaha itu dan sebagai hasilnya, kemajuan yang konsisten ASEAN dalam promosi dan perlindungan hak kanak-kanak telah berkembang dari segi kekuatan 50 tahun lepas. Kanak-kanak membentuk sektor yang penting dalam mana-mana masyarakat, mereka adalah waris utama integrasi dan proses pembangunan masyarakat di ASEAN. Tema forum'Anak-Anak Kita, Masa Depan Kita, ASEAN Kita'. 'Deklarasi ASEAN mengenai Pencegahan Kebudayaan untuk Persatuan Damai, Inklusif, Berdaya Berdaya, Sihat dan Bersederhana' dipilih sebagai perkara utama dalam perbincangan yang menangani empat bidang tumpuan, iaitu keamanan; menghormati semua; menjaga alam sekitar dan gaya hidup yang sihat.

Rabu, 8 Ogos 2018 – DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat ke Majlis Malam Gala sempena Penutup Forum Kanak-kanak ASEAN (ACF) Ke-5 yang berlangsung di Serambi Suluh, Tarindak D'Seni. Keberangkatan DYTM dan YTM dijunjung oleh YB Dato Menteri KKBS dan Pemangku SUT KKBS. DYTM dan YTM dijunjung menyertai sesi bergambar ramai bersama delegasi, disusuli dengan menandatangani lembaran keberangkatan oleh DYTM dan YTM, dan seterusnya berkenan menyaksikan persembahan kebudayaan bertajuk 'Senandung Budaya' daripada KKBS dengan kerjasama Yippie Music School. Acara kemudian diteruskan dengan sembah rumusan daripada perwakilan delegasi kanak-kanak yang disampaikan oleh Nurul Farah Nabila binti Kamarudin dari Malaysia, diikuti dengan sembah tayangan video yang menayangkan aktiviti-aktiviti para delegasi sepanjang forum dijalankan

Rabu, 8 Ogos 2018 - Penyediaan Pejabat Terbuka, iaitu ruang khusus di Pusat Belia untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh para belia khususnya dan para lapisan masyarakat secara amnya telah dilancarkan oleh YB Dato Menteri KKBS. Majlis juga diisikan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang di-bacakan oleh Awang Haji Abdul Halim bin Haji Fuad, diikuti dengan penyampaian Sijil Penghargaan kepada penyumbang kemudahan Pejabat Terbuka. YB Dato berharap penyediaan ruang ini, para belia membayar balik pelaburan kerajaan dalam menyediakan prasarana dengan manfaatkan kemudahan yang disediakan dengan pengisian yang produktif jangan sampai usang atau kosong.

Khamis, 9 Ogos 2018 - YB Dato Menteri KKBS semasa Majlis Penutup Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2018 berkata bahawa suara para belia adalah penting untuk digerakkan ke arah Wawasan Negara 2035. Ianya merupakan platform yang memberikan para belia asas melalui kaedah mentor dengan memberikan mereka idea-idea, nasihat dan sebagainya. Para belia sepatutnya bertanya apa yang perlu negara lakukan untuk mereka, tetapi apa yang mereka boleh lakukan untuk negara ini. Seramai 200 belia menyertai konvensyen tersebut yang dianjurkan oleh Al-Huffaz Management dan Generasi Bekarih dan diketuai Ahli MMN, YB Awang Iswandy bin Ahmad. BYLC 2018 antara lain bertujuan untuk menjayakan Wawasan Brunei 2035 dengan menyampaikan maklumat yang tepat juga terkini mengenai Wawasan Brunei 2035 dan menyatukan agensi-agensi yang berkepentingan dalam pembangunan

Sabtu, 11 Ogos 2018 – YB Dato Menteri KKBS dalam ucapanya pada Forum Meneroka Sempadan Baru Dalam Penyelidikan Sosial Mengenai Penuaan : Implikasi terhadap Negara Brunei Darussalam menyatakan bahawa statistik JPKE menunjukkan dalam tahun 2016, golongan warga yang berusia 65 tahun ke atas adalah kira-kira enam peratus dari penduduk di negara ini, iaitu pertambahan satu peratus dari tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut adalah sejajar dengan laporan Program Pembangunan Manusia Rantau Asia Pasifik, PBB bagi tahun yang sama yang sedang mengalami peralihan di mana Negara Brunei Darussalam akan terus menyaksikan lonjakan golongan warga berumur yang bekerja sehingga tahun 2020. Menurut YB Dato, menempuhi usia panjang adalah satu cabaran namun dengan cabaran sudah pasti akan membuka beberapa peluang di Negara Brunei Darussalam. Kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus memberi tumpuan ke atas isu-isu sosial negara termasuk penduduk yang berumur dalam konteks pendekatan 'World of Nation, tambahnya.

Selasa, 14 Ogos 2018 - Keberangkatan DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ke Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada kontinjen Negara Brunei Darussalam telah dijunjung oleh YB Dato Menteri KKBS. DYTM bersabda melahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di atas sokongan yang diberikan, kepada BDNOC, sehingga dapat menghantar satu kontinjen, seramai 8 orang atlet lelaki dan 7 orang atlet wanita, yang mana akan menyertai dalam tujuh jenis sukan iaitu sukan Angkat-Berat, Ekuine (Jumping), Golf, Karatedo, Olahraga, Pencak Silat dan Wushu. Turut hadir di majlis tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko, Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan dan Penilaian Atlet serta pegawaipegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta para ibu bapa dan penjaga.

Rabu, 15 Ogos 2018 - YB Dato Menteri KKBS hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada Seramai 31 orang terdiri daripada 15 atlet dan 16 pegawai termasuk Chef de Mission, Pengurus Pasukan, Jurulatih dan kakitangan perubatan yang akan berlepas ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menyertai Sukan Asia Ke-18. Pada majlis tersebut YB Dato telah memberikan nasihat dan kata-kata semangat kepada para atlet dalam samasama berusaha sebaik yang mungkin untuk meraih kejayaan dan seterusnya mengharumkan nama negara. Kontinjen Negara Brunei Darussalam akan menyertai sebanyak tujuh acara sukan, iaitu Olahraga, Wushu, Angkat Berat, Equestrian (jumping), Golf, Karate dan Pencak Silat.

Khamis, 16 Ogos 2018 - YB Dato Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Bulan Bahasa 2018, Dewan Bahasa dan Pustaka. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Md. Amin bin Haji Salim, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Kesyukuran. Turut hadir ialah Pemangku SUT KKBS dan Pemangku Pengarah DBP; pegawai-pegawai kanan KKBS dan DBP. Bulan Bahasa diadakan setiap bulan Julai, iaitu pada menjunjung titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada Sabtu, 19 Syawal 1432 bersamaan 17 September 2011.

Sabtu, 25 Ogos 2018 - Sebanyak empat ekor sapi dan dua ekor kerbau dikorbankan bagi Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya seterusnya untuk diagihkan kepada seramai 220 orang yang terdiri daripada golongan fakir miskin, anak-anak yatim dan para peserta yang mengambil bahagian ke atas binatang korban. . Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Majlis diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Siti Noraziah binti Haji Asli yang menyentuh tentang penghayatan erti sebenar ibadah korban.

Ahad, 26 Ogos 2018 - YB Dato Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat pada Majlis Lumba Perahu Fiber Glass dan Tarik Kalat-Lumba Perahu Sukan Air Belia 2018 yang berlangsung di Perairan dan Taman Mahkota Jubli Emas. Sebanyak 11 pasukan bagi Kategori Lumba Perahu Fiber Glass; empat pasukan bagi Kategori Kayak dan 10 pasukan bagi Kategori Tarik Kalat-Lumba Perahu telah menyertai. Para pemenang membawa pulang hadiah-hadiah berupa wang tunai mengikut kategori masing-masing. Sukan Air Belia 2018 merupakan salah satu acara sampingan bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-13 yang telah disambut pada 1 Ogos 2018. Acara anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dijayakan bersama dengan Goh Hock Kee Motors Sdn. Bhd. selaku rakan korporat dalam sama-sama menjayakan temasya sukan ini.

Isnin, 27 Ogos 2018 - YB Dato Menteri KKBS selaku tetamu kehormat pada Majlis The 8th Presidential Conference bertemakan 'Frame of Mind : The 21st Century Youth' berkata bahawa para belia terutama pelajar dan lepasan graduan berdepan dengan kebimbangan dan cabaran termasuk dalam pekerjaan dan perusahaan. Cabaran-cabaran itu perlu ditangani bersama secara menyeluruh, dan melalui pendekatan 'Whole of Government' dan 'Whole of Nation'. Menurut YB Dato lagi, kita kini tinggal dalam dunia tanpa sempadan dan perlu bersedia untuk menghadapi segala perubahan yang mendatang, termasuk langkah-langkah ke hadapan menuju ekonomi digital dan menyediakan ekosistem bagi menggalakkan pengusaha-pengusaha muda mengambil peluang-peluang pasaran dan antarabangsa. Antara yang hadir, Ahli-ahli MMN dan Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, TYT Richard Stephen Lindsay.

Isnin, 27 Ogos 2018 - YM Datin SUT KKBS hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada seramai 15 belia terdiri daripada pegawai-pegawai dari sektor kerajaan, Persatuan Belia dan Mahasiswa / Mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi yang akan menghadiri Program Pertukaran Kepimpinan Belia Singapura - Brunei (SBYLEP) Kali Ke-5 selama sembilan hari bermula hari ini hingga 4 September depan. Program berkenaan dihasratkan untuk meningkatkan pemahaman dan penghargaan belia terhadap dasar, sistem, hubungan dua hala dan tanggungjawab serantau serta mempromosikan dialog diantara para pemimpin masa depan dari kedua-dua buah negara. Program SBYLEP Kali Ke-5 yang bertemakan 'Enabling Social Good' diharapkan akan dapat meningkatkan lagi pemahaman para belia mengenai hubungan dua hala dan tanggungjawab serantau, serta dapat mengambil iktibar dan pengalaman-pengalaman bagi menyumbang pada aktiviti-aktiviti yang membawa pada 'Social Good' di antara para pemimpin masa depan kedua-dua negara.

Selasa, 28 Ogos 2018 - Majlis Resepsi sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-73 telah berlangsung di Dewan Indera Samudera Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club. Hadir mewakili Kerajaan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis tersebut YB Dato Menteri KKBS. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan diikuti lagu kebangsaan Republik Indonesia. Dalam majlis tersebut, TYT Dr. Sujatmiko Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam berkata, hubungan dua hala diantara NBD dan Republik Indonesia mencapai tahap kukuh merangkumi semua sektor, iaitu politik dan keselamatan, ekonomi, perdagangan dan industri juga sosial, budaya dan pendidikan.

Selasa, 28 Ogos 2018 - Majlis Resepsi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama Peserta Program Pertukaran Republik Korea telah berlangsung di Dewan Silaturahim, Pusat Belia. Turut hadir Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yoon Hyun-bong. Rombongan 10 belia dari Republik Korea tersebut diketuai oleh Pegawai Ministry of Gender, Equality and Family, Republik Korea, Mr. Kang Dongkeun berada di negara ini sejak 27 Ogos lalu sehingga program berakhir pada 5 September 2018. Seramai 80 belia dari negara ini dan 80 belia dari Republik Korea menyertainya yang antara lain bertujuan untuk menjalin persahabatan dan persefahaman muhibah dalam kalangan para belia kedua buah negara, dalam suasana harmoni dan setiakawan melalui interaksi yang sihat. Antara pengisian program tersebut termasuk membuat interaksi bersama belia tempatan dan lawatan sambil belajar seperti ke Pusat Belia Bandar Seri Begawan, Pusat Pembangunan Belia, Universiti Brunei Darussalam, Muzium Teknologi Melayu, Muzium Alat-alat Kebesaran Diraja, Darussalam Enterprise (DARe), iCentre, Majlis Perundingan Kampung Putat, menyaksikan kemeriahan BandarKu Ceria dan sebagainya.

Rabu, 29 Ogos 2018 - Pasukan negara yang dibarisi oleh 23 pemain akan menyertai perlawanan kelayakan bagi merebut Piala Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) Suzuki 2018. Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada pemain negara YB Dato Menteri KKBS. Pasukan negara akan menentang Pasukan Timor Leste pada perlawanan pertamanya.

Khamis, 30 Ogos 2018 - Pertandingan Peringkat Akhir Cerita Berkumpulan 2018 anjuran DBP telah berlangsung di Dewan PM Dato Shariffuddin, Arkib Negara. Hadir selaku tetamu kehormat yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang YB Dato Menteri KKBS. Sebanyak dua kumpulan terbaik pada peringkat saringan bertanding pada peringkat akhir tersebut. Kumpulan pencerita dari Ma'had Islam Brunei, Tutong dinobatkan sebagai juara yang mengetengahkan jalan cerita mereka mengenai 'Teknologi Membangun Generasi Bermaklumat'. Antara matlamat pertandingan adalah untuk menggalakkan belia remaja dan muda mudi untuk mencintai buku, selain sebagai wadah bagi para belia dan muda mudi dalam proses pencapaian tahap kebijaksanaan dan perkembangan minda dan ilmu pengetahuan.

Jumaat, 31 Ogos 2018 - Majlis Perundingan Kampung Pekan Kuala Belait dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait menganjurkan Pertandingan Akhir Gema Nasyid Akustik 1439 Hijrah / 2018 Masihi. Pertandingan yang diadakan di Dewan Persidangan Kuala Belait bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-72 Tahun bagi Tahun 2018 itu di hadiri oleh YB Dato Menteri KKBS. Dalam Ucapan YB Dato menjelaskan bahawa pembangunan belia selaku generasi pewaris perlu dipersiapkan dengan kompentensi diri yang tinggi demi membela kemampuan daya dan kemahiran semasa. Ke arah itu, golongan belia perlu dipersiapkan dari segi mental, fizikal dan spiritual bagi memastikan keupayaan mereka dalam sama-sama membangunkan negara, selaras dengan hasrat KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Menurut YB Dato lagi, usaha seumpama itu akan menjana perpaduan yang saling menguatkan di antara satu sama lain dalam memupuk keperibadian berkualiti tinggi selaras dengan tema Hari Belia Kebangsaan Ke-13 pada tahun ini, 'Belia Pemacu Brunei Maju'.

Tim Penerbitan Jeffree Haji Md Kassim ***Penyunting & Penyemak***, Jeffree Haji Md Kassim ***Perwajahan dan Aturhuruf*** Jeffree Hj Md Kassim ***Jurufoto*** Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.